

3755/1
Perdagangan
Kertas 1
Mei
2009
1 1/4 jam



JABATAN PELAJARAN TERENGGANU

**PEPERIKSAAN PERTENGAHAN TAHUN OTI 1
SIJIL PELAJARAN MALAYSIA 2009**

PERDAGANGAN

Kertas 1

Satu jam lima belas minit

JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU

1. *Kertas soalan ini mengandungi 40 soalan.*
2. *Jawab semua soalan.*
3. *Jawab dengan menghitamkan ruangan yang betul pada kertas jawapan.*
4. *Hitamkan satu ruangan sahaja bagi setiap soalan*
5. *Sekiranya anda hendak menukar jawapan, padamkan tanda yang telah dibuat. Kemudian hitamkan jawapan yang baru.*
6. *Anda dibenarkan menggunakan kalkulator saintifik yang tidak boleh diprogramkan.*

Kertas soalan ini mengandungi 12 halaman bercetak.

Disediakan Oleh:
AKRAM NEGERI TERENGGANU

Dibiayai Oleh:
KERAJAAN NEGERI TERENGGANU

Dicetak Oleh:
Percetakan Yayasan Islam Terengganu Sdn. Bhd.
Tel: 609-666 8611/6652/8601 Faks: 609-666 0611/0063

1. Antara berikut, yang manakah berkaitan dengan kehendak manusia?
 - A Bebas bergerak tanpa gangguan
 - B Membeli sebuah peti televisyen warna
 - C Membeli sebuah rumah untuk diduduki
 - D Mendapatkan rawatan kesihatan di klinik berhampiran

2. Antara berikut, pernyataan yang manakah benar tentang pengeluaran?
 - I Pengeluaran merupakan aktiviti pembekalan bahan mentah daripada sumber alam untuk kegunaan pengeluaran
 - II Pengeluaran merupakan aktiviti produktif yang menghasilkan barang dan perkhidmatan untuk memuaskan kehendak manusia
 - III Pengeluaran merupakan aktiviti yang dapat mencipta nilai faedah yang dapat memuaskan kehendak manusia
 - IV Pengeluaran merupakan proses menyempurnakan kekayaan sumber alam menjadi barang siap
 - A I, II, dan III
 - B I, III, dan IV
 - C II, dan IV
 - D II, III, dan IV

3. Antara berikut, yang manakah bukan peranan usahawan?
 - A Memenuhi keperluan dan kehendak masyarakat
 - B Menyumbang ke arah pembangunan ekonomi
 - C Mewujudkan peluang pekerjaan
 - D Membantu kerajaan dalam penggubalan dasar dan polisi kewangan

4. Mengapakah pengkhususan wujud dalam pengeluaran?
 - I Manusia mempunyai kebolehan dan kemahiran yang berbeza
 - II Terdapat pelbagai jenis keluaran dalam sesuatu kawasan
 - III Wujudnya pengeluaran secara besar-besaran
 - IV Keadaan iklim dan persekitaran muka bumi yang berbeza.
 - A I, II dan III
 - B I, II dan IV
 - C I, III dan IV
 - D II, III dan IV

5. Pak Ali mempunyai lebih ubi dan Pak Abu mempunyai lebih beras. Mereka telah bersetuju untuk membuat pertukaran.

Dalam proses pertukaran di atas masalah yang manakah paling mudah diatasi ?

- A Penentuan nilai barang
 - B Penentuan kemahuan serentak
 - C Penentuan kadar pertukaran umum
 - D Pembahagian barang kepada unit yang kecil
6. Apakah perhubungan antara perdagangan dengan keperluan manusia?
- A Perdagangan menentukan keperluan manusia
 - B Perdagangan ialah sebahagian daripada keperluan manusia
 - C Perdagangan wujud melalui usaha manusia memenuhi keperluannya
 - D Perdagangan menghasilkan barangan untuk memenuhi keperluan manusia
7. Maklumat berikut merupakan satu saluran agihan.

Pengeluar ---> Pemborong ---> Peruncit ---> Pengguna

Dalam keadaan apakah pengeluar akan memilih jenis saluran agihan tersebut?

- A Pengeluar ingin mengagih barang kepada pengguna dengan segera
 - B Pengeluar ingin memasarkan hasilnya di dalam dan luar negeri
 - C Pengeluar menghasilkan barang-barang yang ditempah khas
 - D Kuantiti barang yang dikeluarkan untuk diniagakan banyak
8. Perniagaan runcit kecil-kecilan boleh dibahagikan kepada
- I. peruncit tanpa kedai
 - II. kedai am
 - III. kedai khusus
 - IV. peruncit berkedai
- A I dan II
 - B II dan III
 - C III dan IV
 - D I dan IV

9. En. Hanif menjalankan urusan niaga alat ganti kenderaan dengan En. Yasuki di Jepun. Beliau mengarahkan En. Yasuki membeli alat ganti kenderaan daripada syarikat yang telah ditetapkan. Apakah dokumen pesanan yang diterima oleh En. Yasuki?
- A Invois eksport
 - B Invois Konsular
 - C Inden tertutup
 - D Inden terbuka
10. Pernyataan di bawah berkaitan dengan seseorang pemborong.
- Menjual bagi pihak pelanggan
 - Menemukan penjual dengan pembeli
 - Menerima komisen
- Siapakah pemborong itu?
- A Broker
 - B Jober para
 - C Ejen pengeluar
 - D Pemborong pesanan berwakil
11. Yang manakah antara perubahan berikut akan menyebabkan pemborong disingkirkan?
- A Pertambahan bilangan peruncit kecil
 - B Peningkatan bilangan syarikat jualan langsung
 - C Penurunan kos pengiklanan di televisyen
 - D Peningkatan kos pengangkutan barang-barang
12. Faizul membeli sebuah televisyen berukuran 36 inci secara sewa beli daripada Syarikat Elektrik Yazan. Ini bermaksud
- I Faizul dibenarkan membuat bayaran ansuran bulanan
 - II Syarikat Elektrik Yazan berhak menarik balik televisyen itu jika Faizul gagal menjelaskan bayaran bulanan
 - III Faizul mendapat potongan diskaun yang tinggi
 - IV Hak milik televisyen akan berpindah kepada Faizul sebaik sahaja wang pendahuluan dibayar
- A I dan II
 - B II dan III
 - C III dan IV
 - D I dan IV

13. Berikut adalah butir-butir pembelian dan pinjaman kereta Encik Amry.

Harga kereta	RM50 000
Bayaran pendahuluan	RM10 000
Amaun pinjaman	RM40 000
Tempoh pinjaman	5 tahun
Kadar faedah setahun	4%

Hitungkan amaun ansuran bulanan untuk menjelaskan pinjaman kereta itu.

- A RM693
- B RM700
- C RM800
- D RM867

14. Apakah kelebihan yang diperoleh konsainor melalui kaedah jualan konsainan?

- A Pengurusan stok lebih mudah
- B Pemasaran lebih luas melalui perlantikan ejen
- C Perlu jualan yang besar jika mahu komisen yang tinggi
- D Dapat mempelbagaikan barang niaga tanpa meningkatkan kos

15. Perniagaan antarabangsa berlaku apabila

- I lebihan keluaran dieksport ke luar negara
 - II barang yang diperlukan tetapi tidak dikeluarkan dalam negara
 - III negara memberi tumpuan kepada pengeluaran barang yang boleh dihasilkan secara cekap
 - IV negara dikurniakan dengan semua jenis sumber kekayaan alam
- A I, II, dan III
 - B I, II, dan IV
 - C I, III, dan IV
 - D II, III, dan IV

16. Apakah faedah yang diperoleh oleh pengeluar daripada perniagaan antarabangsa?

- A Mendapat barang berkualiti pada harga rendah
- B Memperbesar perniagaan dan menambahkan keuntungan
- C Memperoleh hasil pendapatan daripada cukai kastam
- D Mendapat pelbagai pilihan jenis dan jenama barang

17. Antara dokumen berikut yang manakah perlu disediakan oleh pengeksport?
- I Invois konsular
 - II Sijil asal usul
 - III Inden tertutup
 - IV Kredit berdokumen
- A I dan II
B I dan IV
C II dan III
D III dan IV
18. Berikut adalah ciri-ciri Industri Kecil dan Sederhana (IKS) **kecuali**
- A modal yang rendah
 - B tenaga kerja separuh masa dan sepenuh masa
 - C bertempat di desa
 - D pasaran terhad
19. Encik Yusuf dan bapanya ialah pengusaha yang terlibat dalam industri kraf tangan di Marang, Terengganu.
Apakah sumbangan mereka kepada masyarakat dan negara?
- I Mengurangkan masalah pengangguran
 - II Mengurangkan kos sosial
 - III Mempelbagaikan kegiatan ekonomi
 - IV Meningkatkan tabungan negara
- A I, II dan III
B I, II dan IV
C I, III dan IV
D II, III dan IV
20. Salah satu sebab mengapa sesuatu firma melakukan pengambilalihan ialah untuk
- A mengurangkan persaingan
 - B meningkatkan jumlah pekerja
 - C mengurangkan belanja pengurusan
 - D mengurangkan pembayaran cukai keuntungan

21. Antara berikut, yang manakah berkenaan rakan kongsi lelap?
- A Rakan yang menyumbangkan modal dan aktif mengambil bahagian dalam pengurusan perniagaan
 - B Rakan yang membenarkan namanya digunakan dalam perniagaan tetapi tidak aktif mengambil bahagian dalam pengurusan perniagaan
 - C Rakan yang tidak menyumbangkan modal tetapi berhak menerima bahagian untung
 - D Rakan yang menyumbangkan modal tetapi tidak mengambil bahagian dalam pengurusan perniagaan
22. Bagaimanakah penswastan berlaku?
- A Meningkatkan kualiti barang dan perkhidmatan kepada orang ramai
 - B Memindahkan semua sektor kerajaan kepada kawalan sektor swasta
 - C Menjadikan sektor swasta sebagai pemangkin dalam pertumbuhan ekonomi negara
 - D Mengambil alih sebahagian pelaburan kerajaan dalam sektor tertentu oleh sektor swasta
23. Pernyataan di bawah merujuk kepada suatu jenis syer.
- Kadar dividen tetap
 - Pemegang syer berhak mendapat dividen tunggakan tahun sebelumnya
- Apakah jenis syer itu?
- A Syer keutamaan kumulatif
 - B Syer keutamaan penyertaan
 - C Syer keutamaan boleh tebus
 - D Syer keutamaan boleh tukar
24. Apakah pasaran saham?
- I Merupakan tempat untuk para broker berurus niaga dalam syer dan sekuriti lain
 - II Suatu pasaran yang membolehkan syer dan sekuriti lain dijual beli pada harga yang realistik
 - III Ia merupakan tempat di mana syer dan sekuriti lain diterbitkan kepada orang ramai
 - IV Suatu tempat di mana syarikat berhad mendapatkan pinjaman jangka pendek dan jangka panjang
- A I dan II
 - B II dan III
 - C I dan III
 - D III dan IV

25. Antara langkah-langkah Bank Negara untuk mengawal kestabilan ekonomi adalah dengan cara
- I menambah atau mengurangkan nisbah rizab berkanun.
 - II mengurus kadar faedah oleh bank.
 - III menyediakan Biro Kredit.
 - IV menggalakkan orang ramai menyimpan wang.
- A I, II dan III
 - B I, II dan IV
 - C I, III dan IV
 - D I, II, III dan IV
26. Apakah ciri-ciri keistimewaan bagi bank perdagangan?
- A Pengurusan pelaburan
 - B Pemberian kredit
 - C Perkhidmatan pertukaran wang asing
 - D Penyediaan akaun semasa
27. Kedai Runcit Razi membeli stoknya secara kredit daripada pelbagai pembekal. Antara perkhidmatan berikut, yang manakah paling sesuai digunakan oleh peruncit berkenaan bagi membayar hutang kepada pembekal?
- A Cek Palang Khas
 - B Debit Terus
 - C Perintah Sedia Ada
 - D Pindahan Kredit
28. Kebaikan menggunakan cek adalah seperti yang berikut **kecuali**
- A hutang dibayar dengan selamat
 - B risiko kecurian dikurangkan.
 - C terdapat bukti bayaran.
 - D cek merupakan wang sah.
29. Cek ini dikeluarkan oleh bank atas permintaan pelanggannya untuk membayar sejumlah wang yang tertentu kepada penerima di bandar yang sama dengan pembayar. Cek ini dijamin oleh bank.

Cek yang dimaksudkan ialah

- A cek kembara.
- B cek jurubank.
- C cek pembawa.
- D cek perintah.

30. Berhubung dengan jenis-jenis cek, pernyataan yang manakah tidak benar?

- I Cek kosong ialah cek yang butiran jumlahnya ditinggalkan untuk diisi oleh penerima
 - II Cek bertarikh hadapan ialah cek yang ditulis dengan tarikh akan datang
 - III Cek mati ialah cek yang telah dibuat bayarannya
 - IV Cek bertanda ialah cek yang ditandakan "Tak Boleh Niaga"
- A I dan II
 - B I dan III
 - C II dan III.
 - D III dan IV

31. Seorang pembekal telah mengemukakan invoice jualan kepada Mayban Factoring Sdn. Bhd. Syarikat tersebut membeli invoice pada nilai diskaun.

Kemudahan di atas dikenali sebagai

- A jaminan kredit.
- B pemfaktoran.
- C pemajakan.
- D sewa beli.

32. Kereta Zamri telah hilang tetapi dijumpai semula beberapa bulan kemudian. Insurer telah membayar gantirugi kepada Zamri.

Mengikut prinsip subrogasi, Zamri

- A berhak menuntut semula keretanya
- B tidak berhak menuntut semula keretanya.
- C dikehendaki membayar balik ganti rugi kepada insurer.
- D dikehendaki menjual keretanya kepada insurer.


33. Pilih pernyataan yang benar tentang polisi insurans pihak ketiga berhubung dengan insurans kereta motor
- I Memberi perlindungan kepada pihak ketiga sahaja
 - II Tidak melindungi insured dan kenderaannya
 - III Premiumnya lebih tinggi daripada premium polisi lengkap
 - IV Polisi ini terhad kepada kereta perniagaan sahaja
- A I dan II
 - B I dan III
 - C II dan IV
 - D III dan IV
34. Seorang pengusaha batik memiliki alatan dan kenderaan serta enam orang pekerja di kilangnya. Dia ingin melaksanakan Al Mudarabah setelah bersetuju dengan Skim Takaful yang dicadangkan. Apakah jenis insurans yang harus anda cadangkan kepada pengusaha tersebut untuk melindungi harta dan pekerjaannya?
- A Insurans Takaful Am dan Insurans Takaful Keluarga
 - B Insurans Takaful Kewangan dan Insurans Hayat Bekal Hidup
 - C Insurans Takaful Am dan Insurans Pertubuhan Kebajikan Sosial
 - D Insurans Pertubuhan Kebajikan Sosial dan Insurans Hayat Bekal Hidup
35. Dalam belian polisi, apakah dokumen yang akan dikeluarkan kepada pelanggan selepas bayaran premium pertama dipungut?
- A Borang cadangan
 - B Polisi insurans
 - C Nota lindungan
 - D Resit belian
36. Mengapakah tambang pengangkutan udara mahal?
- I Ruang muatan yang disediakan terhad
 - II Persaingan yang hebat antara banyak syarikat penerbangan
 - III Hanya sesuai untuk barang bersaiz kecil dan ringan
 - IV Kos insuransnya tinggi
- A I, II dan III
 - B I,II dan IV
 - C I, III dan IV
 - D II, III dan IV

37. * Tidak melibatkan kos penyelenggaraan
 * Tidak memerlukan pemunggahan untuk pemindahan barang
 * Selamat kerana tidak berlaku kecurian dan kehilangan

Pernyataan di atas adalah berkaitan dengan ciri-ciri sejenis pengangkutan. Apakah jenis pengangkutan tersebut?

- A Pengangkutan rel
 B Pengangkutan laut
 C Pengangkutan jalan raya
 D Pengangkutan saluran paip
38. Mengapakah pengeksport menggunakan kontena untuk menghantar barang walaupun sewanya lebih mahal?
- I. Kos insurans adalah rendah
 II. Kos sewa gudang dan bayaran cukai pelabuhan rendah
 III. Boleh membawa semua jenis barang
 IV. Kapal kontena lebih cepat sampai ke destinasi berbanding kapal lain
- A I dan II
 B I dan III
 C II dan IV
 D III dan III

39. Faktor X di atas ialah



- I. Jarak.
 II. Saiz dan berat
 III. Jenama.
 IV. Risiko kerosakan.
- A I, II dan IV
 B I, III dan IV
 C II, III dan IV
 D III dan III

40. Antara tugas Jabatan Penerbangan Awam (DCA) ialah
- I mengeluarkan lesen bagi jenis pengangkutan udara
 - II mengurus soal perundangan tentang pengangkutan udara
 - III Menyediakan perkhidmatan penyelenggaraan kapal terbang penumpang
 - IV menyediakan perkhidmatan kawalan lalu lintas
- A I,II dan III
 - B I,II dan IV
 - C I,III dan IV
 - D II,III dan IV

KERTAS SOALAN TAMAT